

**PERATURAN PEMARKAHAN PERNIAGAAN KERTAS2
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020**

1 (a) Kaedah perniagaan yang digunakan oleh OBBU. [4 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| F1 | Secara percuma | 1 |
| H1 | Barang / perkhidmatan disediakan tanpa bayaran / percuma | 1 |
| F2 | Jualan pada harga kos | 1 |
| H2 | Harga mencukupi untuk tanggung kos / tiada sebarang untung | 1 |
| F3 | Jualan pada harga bawah kos | 1 |
| H3 | Harga yang lebih rendah dari kos sebenar / mendapat subsidi kerajaan | 1 |

[Mak: 4 m]

(b) (i) Jenis pemilikan perniagaan [1 markah]

- | | | |
|----|-------------|---|
| F1 | Perkongsian | 1 |
|----|-------------|---|
- [Mak: 1 m]

(ii) Kelebihan pemilikan perniagaan di 1 (b) (i). [5 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Modal lebih besar | 1 |
| H2 | Mudah ditubuhkan / tidak banyak peraturan | 1 |
| H3 | Risiko / kerugian disebarluaskan | 1 |
| H4 | Berkongsi kepakaran / pengalaman / kemahiran | 1 |
| H5 | Tugas rakan kongsi boleh diambil alih | 1 |
| H6 | Cukai yang rendah / cukai pendapatan individu | 1 |
| H7 | Boleh membentuk satu ikatan perjanjian | 1 |
| H8 | Elak berlaku perselisihan / pertengkaran / salah faham | 1 |

[Mak: 5 m]

2	a).	i) Saiz perniagaan S dan T ialah:	
F1	S - Saiz kecil		1
F2	T – Saiz besar		1
ii) Kelebihan perniagaan S berbanding dengan perniagaan T			[Mak. 2m]
H1	Kos overhed yang rendah		1
H1a	Kos operasi / kos pengurusan rendah		1
H1b	Perniagaan S menawarkan harga mampu bersaing		1
H2	Cepat menyelesaikan masalah / rungutan pelanggan		1
H2a	Mengambil tindakan segera		
H2b	Kurang menghadapi birokrasi / peraturan / borang aduan yang mudah		1
H3	Fleksibel		1
H3a	Mudah mengubah strategi perniagaan		1
H3b	Boleh membuat keputusan dengan mudah / pemilik terlibat secara langsung dalam pengurusan.		1
H4	Kos upah yang rendah / murah		1
H4a	Tidak mendaftar dengan kesatuan sekerja / merupakan pekerja sambilan		1
H4b	Membayar gaji minimum sahaja		1
[Mak. 4m]			

b)	i).	Jenis pengangguran tersebut	
F1	Pengangguran kitaran		1
[Mak.1m]			
H1	Berlaku disebabkan kemelesetan ekonomi / deflasi		1
H2	Perniagaan kehilangan sebahagian pendapatan / tidak mampu membayar gaji pekerja / syarikat muflis / rugi		1
H3	Majikan terpaksa mengurangkan bilangan pekerja / memberhentikan pekerja		1

H4	Kerajaan perlu menjalankan dasar fiskal	1
H4a	Memperkenalkan percuakan baharu / meningkatkan perbelanjaan	1
H5	Dasar kewangan	1
H5a	Menurunkan kadar faedah / menggalakkan aktiviti pelaburan	1

[Mak. 3m]

3 a). Syer pasaran perniagaan Ramlee:

H1	Merupakan bahagian / peratus penguasaan jumlah pengguna yang menggunakan perkhidmatan dobi	1
H2	Berbanding dengan pesaing perniagaan tersebut	1
H3	Perniagaan Ramlee berjaya menguasai syer pasaran / 60 % penguasaan pelanggan	1
H4	Berbanding pesaingnya / perniagaan Sani 25% / perniagaan Tan 15%	1
H5	Perniagaan yang menguasai syer pasaran terbesar / perniagaan Ramlee akan menjadi pemimpin	1
H6	Strategi pemasaran perniagaan Ramlee akan diikuti oleh perniagaan Sani / Tan	1
H7	Perniagaan Ramlee akan terus kekal / mendapat keuntungan yang tinggi	1

[Mak.4m]

b) Tujuan bahagian fungsian ini:

H1	Bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan / R&D	1
H2	Meningkatkan tahap pengeluaran / produktiviti	1
H3	Meningkatkan pemasaran produk / meluaskan pasaran / mewujudkan pasaran baharu	1
H4	Menghasilkan produk berkualiti / menarik / tahan lama / berdaya saing	1
H5	Penggunaan kos yang efektif / berpatutan / tidak berlaku pembaziran / menggunakan sumber secara optimum	1

[Mak.3m]

c) Kepentingan interaksi dengan organisasi luar:

H1	Mewujudkan jaringan perniagaan yang lebih baik	1
H1a	Mengukuhkan sistem operasi / kelangsungan perniagaan dalam pasaran	1
H2	Mengukuhkan hubungan baik sedia ada / ke tahap lebih baik	1
H2a	Meningkatkan pencapaian matlamat perniagaan / misi perniagaan	1

H3	Menjalin / meningkatkan kerjasama strategik	1
H4	Menambah sumber perniagaan	1
H5	Pembekalan bahan mentah / pembiayaan / kepakaran	1

[Mak.3m]

- 4 a) i) Pemberian insentif yang munasabah
- | | | |
|----|---|---|
| H1 | Untuk meningkatkan pencapaian prestasi perniagaan | 1 |
| H2 | Meningkatkan motivasi | 1 |
| H3 | Mewujudkan kesetiaan pekerja | 1 |
| H4 | Memastikan pekerja rasa mereka dihargai | 1 |
| H5 | Persekutaran kerja yang harmoni / kondusif | 1 |
| H6 | Menjamin / melindungi kebajikan pekerja | 1 |
| H7 | Skim kesihatan / keselamatan | 1 |
- [Mak: 3 m]
- ii) Pemberhentian kerja
- | | | |
|----|---|---|
| H1 | Penamatian perkhidmatan kontrak pekerjaan / persaraan / secara sukarela / tindakan disiplin / pemecatan pekerja | 1 |
| H2 | Diberikan ganjaran / pampasan setimpal oleh majikan | 1 |
| H3 | Bayaran gratuity / persaraan / pencen sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka | 1 |
| H4 | Mewujudkan suasana harmoni | 1 |
| H5 | Hubungan baik antara majikan dan pekerja di dalam perniagaan | 1 |
- [Mak: 3 m]
- b) Faktor-faktor penentu sistem penggajian
- | | | |
|----|--------------------------------------|---|
| H1 | Kemampuan organisasi | 1 |
| H2 | Bentuk dan jenis tugas | 1 |
| H3 | Undang-undang dan peraturan kerajaan | 1 |
| H4 | Ganjaran yang dibayar pesaing | 1 |
| H5 | Permintaan dan penawaran buruh | 1 |
| H6 | Faktor lokasi | 1 |
- [Mak: 4 m]

- 5 a) Tujuan usahawan memohon hak cipta terpelihara
- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Hak eksklusif kepada pencipta karya | 1 |
| H2 | untuk mengawal penggunaan karya mereka | 1 |
| H3 | untuk tempoh masa tertentu | 1 |
| H4 | Sastera/muzik/seni - kekal sehingga 50 tahun selepas kematian pencipta | 1 |
| H5 | Filem / rakaman bunyi - kekal 50 tahun dari karya diterbitkan | 1 |
| H6 | Siaran - 50 tahun dari siaran pertama dibuat | 1 |
| H4 | Untuk melindungi hasil ciptaan / ekspresi idea | 1 |
| H5 | yang telah direkod / dijadikan bahan yang dizahirkan | 1 |
| H6 | Karya sastera / muzik / seni / filem / rakaman bunyi / siaran / terbitan | 1 |
| H7 | supaya tidak disalah guna oleh pihak lain / cetak rompak / ditiru | 1 |
- [Mak: 3 m]
- b) i) Sewa beli
- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Aktiviti menyewa aset / dengan tujuan membeli aset tersebut | 1 |
| H2 | Bank / institusi kewangan akan membeli aset tersebut dan menyewakannya kepada usahawan | 1 |
| H3 | Aset adalah hak milik bank/ pemberi sewa | 1 |
| H4 | Hak milik akan berpindah kepada usahawan selepas semua ansuran dijelaskan. | 1 |
| H5 | Aset akan ditarik balik sekiranya gagal membuat bayaran / ansuran | 1 |
| H6 | Harga aset / nilai jualan semula adalah tinggi | 1 |
| H6 | Kenderaan / kilang / bangunan | 1 |
- [Mak: 2 m]
- ii) Ar-Rahnu
- | | | |
|----|---|---|
| H1 | Emas / barang kemas dijadikan cagaran | 1 |
| H2 | Untuk mendapatkan pinjaman | 1 |
| H3 | Tidak mendapat nilai penuh harga semasa aset / 50% / 65% / 75 % | 1 |
| H4 | Tempoh bayaran balik 6 bulan / fleksibel | 1 |
| H5 | Jika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan, emas akan dilelong | 1 |
| H6 | Wang lebih gadaian akan dipulangkan kepada pemberi gadaian | 1 |
- [Mak: 2 m]

- c) Ciri-ciri lokasi yang sesuai dipilih oleh usahawan bagi memulakan perniagaan
- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Tempat yang mempunyai tumpuan ramai | 1 |
| H2 | Berhampiran dengan pelanggan / pembekal | 1 |
| H3 | Terdapat kemudahan infrastruktur | 1 |
| H4 | Jalan raya / telekomunikasi / air / elektrik / | 1 |
| H5 | Selamat / tiada kesesakan / kemudahan parkir | 1 |
| H6 | Mudah dikunjungi | 1 |

[Mak: 3 m]

- 6 a) Perbezaan kos tetap dan kos berubah.

Kos Tetap	Kos Berubah	
Tidak berubah mengikut perubahan tingkat pengeluaran.	Berubah mengikut tingkat pengeluaran	[1+1]
Kos ditanggung sentiasa sama / tetap	Kos ditanggung bergantung kuantiti produk yang dikeluarkan	[1+1]
Contoh : sewa / insurans / bayaran balik pinjaman	Contoh : kos bahan mentah / upah / gaji / kos air / kos elektrik / kos telefon	[1+1]

[Mak: 4 m]

- b) Kelebihan mendapatkan pembiayaan daripada agensi MARA

- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Memberi pinjaman kepada peniaga yang tidak mempunyai cagaran | 1 |
| H2 | Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa | 1 |
| H3 | Tiada kadar faedah / kadar faedah rendah daripada bank atau institusi kewangan | 1 |

[Mak: 2 m]

- c) Keberuntungan perniagaan kepada usahawan

- | | | |
|----|---|---|
| H1 | Mendapat sumber manusia yang mempunyai kepakaran / pengalaman | 1 |
| H2 | Meluaskan pasaran | 1 |
| H3 | Memantapkan imej perniagaan | 1 |
| H4 | Melaksanakan tanggungjawab sosial | 1 |
| H5 | Penggunaan peralatan / teknologi terkini | 1 |

[Mak: 4 m]

7 (a) Faedah Encik Safuan mendaftar perniagaan di SSM:

- H1 Untuk mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang [1]
- H1a Layak mengikat kontrak / perjanjian dengan bank / agensi kerajaan [1]
- H1b Membantu waris menuntut hak harta / wang daripada perniagaan berkenaan [1]
- H2 Untuk melayakkan mendapat kemudahan perlindungan insurans [1]
- H2a oleh kerajaan kepada golongan penjaja / peniaga kecil [1]
- H3 Untuk melayakkan mendapat pinjaman mikro [1]
- H3a dari pelbagai agensi kerajaan / Bank Rakyat / TEKUN / Amanah Ikhtiar Malaysia / MARA / SME [1]
- H4 Untuk mendapatkan kemudahan menjalankan perniagaan seperti lesen premis / permit [1]
- H5 Untuk memudahkan kerajaan/ pihak berkuasa mendapatkan maklumat terkini / tepat tentang perniagaan [1]
- H5a bagi menyediakan dasar / kemudahan untuk meningkatkan taraf perniagaan / kehidupan perniagaan [1]
- H6 Untuk mendapatkan kemudahan menghadiri seminar/ latihan [1]
- H6a bagi meningkatkan kemahiran dalam menjalankan perniagaan secara lebih sistematik / teratur. [1]

[mak. 6 markah]

7 (b) Perbandingan Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad:

Persamaan:

- H1 Didaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) [1]
- H2 Tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 / 2016 [1]
- H3 Tanggungjawab pengurusan perniagaan adalah di bawah Ahli Lembaga Pengarah. [1]
- H4 Liabiliti terhad [1]
- H5 Ahli minima seorang [1]
- H6 Membayar cukai syarikat [1]

[maksima 3 markah]

Perbezaan:

Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
tidak melebihi 50 orang [1]	tiada had maksimum [1]
Saham syarikat tidak boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia [1]	sahamnya boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia [1]
pindah milik saham hanya boleh dilakukan dengan kebenaran ahli lembaga pengarah. [1]	Bebas melakukan pindah milik [1]
Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai [1]	Laporan kewangan tahunan perlu diumumkan kepada orang awam [1]

[maksima 6 markah]

[maksima 9 markah]

- 8 (a) (i) X – Kemerosotan [1]
Y – Kemelesetan [1]
- (ii) F1 Jualan merosot 1
H1 Hasil jualan merupakan sejumlah keuntungan perniagaan sebagai sumbangan modal dalam pengembangan perniagaan/gagal mencapai sasaran jualan menjelaskan matlamat / objektif perniagaan dalam memaksimumkan keuntungan 1
- F2 Tidak mampu membayar kos perniagaan 1
H2 Sebahagian kos operasi / kos berubah / kos tetap tidak mampu dibayar oleh perniagaan 1
- F3 Gagal dalam persaingan 1
H3 Perniagaan tersebut tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk membina strategi dalam menghadapi persaingan pasaran 1
- F4 Imej perniagaan terjejas 1
H4 imej perniagaan akan tercalar di mata pihak berkepentingan 1

- F5 Tidak mampu mengembangkan perniagaan 1
H5 Sukar dalam mengembangkan perniagaan/ membuka cawangan dalam /
luar negara / membesarakan kapasiti operasi perniagaan sedia ada. 1
Mana2 4F + 4H [maksima 8 markah]

(b) Langkah penyelesaian:

- H1 – Mengurangkan kos [1]
H2 – Menurunkan harga produk [1]
H3 – Mempelbagaikan barang / perkhidmatan yang ditawarkan [1]
H4 – Mengurangkan jumlah / kadar pembayaran dividen kepada pemegang saham [1]
H5 – Menggunakan kaedah / teknologi baru dalam pengeluaran [1]
H6 – Menyemak semula matlamat perniagaan [1]

[maksima 5 markah]

- 9 a) Nisbah kecairan:
- H1 Keupayaan kedua-dua perniagaan ini untuk menukar ke dalam bentuk tunai bagi tempoh yang singkat / keupayaan jangka pendek untuk membayar hutang. 1
- H2 Semakin tinggi nisbah kecairan semakin mampu perniagaan ini membayar hutang 1
- H3 Contoh nisbah kecairan adalah Nisbah Semasa 1
- H4 Nisbah Semasa ialah mengukur kemampuan perniagaan Pan Global Textile dan Fira Boutique & Fashion 1
- H5 Untuk membayar pinjaman jangka pendek dengan menggunakan aset semasa 1
- [Mak.3m]

b) Nisbah Semasa Perniagaan Pan Global Textile:

$$\text{H1} \quad \text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \quad 1$$

$$\text{H2} \quad = \frac{105\,000}{25\,000} \quad 1$$

$$\text{H3} \quad = 4.2 : 1 \quad 1$$

[Mak.3m]

Nisbah Semasa Perniagaan Fira Boutique & Fashion:

$$\text{H1} \quad \text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \quad 1$$

$$\text{H2} \quad = \frac{80\,000}{17\,000} \quad 1$$

$$\text{H3} \quad = 4.7 : 1 \quad 1$$

[Mak.3m]

[Mak.6m]

c). Perbandingan prestasi Nisbah Semasa Perniagaan Pan Global Textile dan Fira Boutique & Fashion:

- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Setiap RM 1 liabiliti semasa perniagaan Pan Global Textile | 1 |
| H2 | Mempunyai aset semasa sebanyak RM 4.20 untuk menjelaskannya. | 1 |
| H3 | Setiap RM 1 liabiliti semasa perniagaan Fira Boutique & Fashion | 1 |
| H4 | Mempunyai aset semasa sebanyak RM 4.70 untuk menjelaskannya | 1 |
| H5 | Fira Boutique & Fashion mempunyai aset semasa lebih tinggi berbanding Pan Global Textile | 1 |
| H6 | Perniagaan Fira Boutique & Fashion menunjukkan prestasi nisbah semasa yang lebih baik berbanding dengan perniagaan Pan Global Textile / lebih mampu bayar hutang jangka pendek | 1 |
| H7 | Iaitu $4.7 : 1$ lebih baik daripada $4.2 : 1$ / lebih baik sebanyak $RM4.7 - 4.2 = 0.5 / 50$ sen | 1 |
| H8 | Fira Boutique mempunyai kecairan yang lebih tinggi / mudah dapat tunai | 1 |

[Mak.6m]

10 (a) (i) Trend meningkat 1

[Mak.1m]

Alasan


- | | | |
|----|--|---|
| H1 | Nilai jualan tahunan meningkat | 1 |
| H2 | 2015 sebanyak RM500,000 kepada 720,000 tahun 2018 / contoh | 1 |
| H3 | Permintaan semakin meningkat | 1 |
| H4 | Bilangan pekerja meningkat / 20 orang kepada 50 orang | 1 |

[Mak.2m]

[Mak.3m]

(ii) Lakaran graf

Jualan Tahunan (RM) H1 [1m]



- H4 Catat angka RM500,000 – RM720,00 1
 H5 Catat tahun 2014 – 2018 1
 [Mak.2m]

- (b) H1 Terdapat kekurangan sumber luaran / pekerja luar / pekerja baharu 1
 H2 Memerlukan program induksi / suai kenal / ambil masa penyesuaian 1
 H3 Mengambil masa untuk memahami budaya / suasana tempat baharu 1
 H4 Kos merekrut tinggi / kos pengambilan / iklan / temu duga / melatih 1

H5	Terdapat kelebihan sumber dalaman / pekerja dalaman	1
H6	Memotivasikan pekerja sedia ada / naik pangkat / gaji /	1
H7	Pekerja lebih memahami budaya kerja / sudah jadi kebiasaan	1
H8	Mengurangkan kos latihan / jimat masa	1
H9	Maklumat pekerja / prestasi sudah diketahui oleh Encik Faiz	1
		[Mak.4m]
(c)	Kemudahan teknologi mempengaruhi produktiviti di kilang EncikFaiz	
H1	Membolehkan perniagaan lebih cekap	1
H2	Kualiti minyak masak meningkat / kawalan kualiti	1
H3	Masa lebih cepat / kurang pembaziran	1
H4	Daya pengeluaran meningkat / kuantiti meningkat	1
H5	Kos operasi murah / kos upah buruh berkurangan / ganti mesin	1
H6	Dapat menjalankan penyelidikan / pembangunan	1
H7	Penggunaan ICT / maklumat lebih cepat / mudah	1
H8	Komunikasi berkesan / tempahan / pesanan	1
H9	Penyimpanan data / maklumat selamat	1
H10	Meningkatkan keuntungan	1
		[Mak.5m]
d)	Prosedur mengurus sumber teknologi	
F1	Perlindungan insurans	[1]
H1	Insurans kebakaran / kecurian / insurans sesuai	[1]
C1	Melindungi mesin / peralatan daripada kebakaran / kecurian / cth	[1]
F2	Keselamatan	[1]
H2	Ada alat pemadam api / CCTV / alat penggera / laluan kecemasan	[1]
C2	Pekerja tahu menggunakan mesin / jentera dengan betul / ada panduan penggunaan / mesin selamat digunakan	[1]
F3	Penyelenggaraan	[1]
H3	Jadual disediakan / dipatuhi / berkala	[1]
C3	Kerosakan mesin dapat dicegah / sebelum mesin rosak	[1]

- | | | |
|----|---|-----|
| F4 | Baik pulih | [1] |
| H4 | Membaiki mesin / bahagian mesin / peralatan yang rosak | [1] |
| C4 | Perniagaan berjalan lancar / pendapatan berterusan / tidak berlaku kehilangan pelanggan | [1] |
- [Mak 6m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT